

# Sumbangan Majalah Pengasuh Dalam Memantapkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

SITI NABILAH BINTI AZMAN<sup>1</sup> & ABDULL RAHMAN BIN MAHMOOD<sup>2</sup>

## Abstrak

*Dalam perkembangan moden dunia kini, aliran pemikiran semakin berkembang pesat dan memberi kesan kepada akidah masyarakat. Pelbagai inisiatif yang diambil oleh pihak tertentu bagi membendung akidah masyarakat daripada terpesong. Antaranya ialah pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan) yang telah menerbitkan majalah Pengasuh bermula sejak tahun 1918 lagi hingga sekarang. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji sumbangan majalah Pengasuh dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Skop kajian ini adalah menganalisis isi kandungan tema akidah dalam aspek ketuhanan di dalam majalah Pengasuh. Kajian menggunakan metode kualitatif dengan penekanan kepada analisis dokumen bermula dari tahun 1919 hingga 2016. Hasil kajian mendapati bahawa majalah Pengasuh telah membincangkan isu akidah sejak awal penerbitannya. Penulisan-penulisan majalah Pengasuh ini telah menjawab persoalan akidah masyarakat yang keliru, menangkas pemikiran yang terpesong daripada akidah yang sebenar dan memberi penjelasan tentang akidah lebih mendalam. Hal ini menunjukkan majalah Pengasuh bukanlah seperti majalah biasa di luar sana tetapi sarat dengan ilmu khususnya ilmu akidah yang secara langsung memberi sumbangan dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.*

**Kata kunci :** *majalah Pengasuh, akidah, Ahli Sunnah Wal Jamaah*

## Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan dunia kini, aliran pemikiran yang pelbagai juga sedang giat berkembang. Informasi-informasi sangat mudah didapati dengan teknologi moden sekarang. Bagi yang suka berfikir sebelum menerima sebulat-bulatnya informasi itu akan terselamat daripada maklumat dan kefahaman yang salah. Namun, bagi yang tidak suka berfikir dan mengambil jalan mudah akan mengambil segala informasi yang diterima itu dengan sebulat-bulatnya. Malah golongan yang tidak suka berfikir ini akan merasakan segala informasi yang diterima itu adalah benar belaka. Aliran-aliran pemikiran yang sedang berkembang adalah seperti atheis, liberalisme, pluralisme, sekularisme dan lain-lain lagi. Pemahaman-pemahaman ini kadangkala tidak disedari oleh diri masyarakat malah apa yang membimbangkan lagi adalah apabila mereka telah mengamalkannya secara tidak sedar. Jika tidak disedarkan, akidah masyarakat akan terpesong jauh dari akidah yang benar. Oleh yang demikian, landasan akidah yang benar sangat penting di tengah-tengah aliran pemikiran ini. MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) telah mengambil inisiatif menjaga akidah masyarakat dengan menerbitkan Majalah Pengasuh.

---

<sup>1</sup> Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, Malaysia. Email: sna\_solehah@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, Malaysia. Email: abrm@ukm.edu.my

## Majalah Pengasuh

Majalah *Pengasuh* adalah sebuah majalah tahunan yang diterbitkan oleh MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan). Majalah ini mula diterbitkan pada 11 Julai 1918 iaitu bersamaan dengan 1 Syawal 1336. Selain itu, majalah ini diterbitkan dalam tulisan jawi dan merupakan majalah tertua di Kelantan. Pengasas majalah ini ialah Haji Awang Muhd. Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali), Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail dan Haji Muhammad bin Khatib Hj. Muhammad Said. Pengarang pertama majalah *Pengasuh* ialah al-Fadhil Tuan Haji Awang Kenali.

Menurut Yazilmiwati (2004), "naskah sulung Pengasuh berukuran 8.1 inci lebar dan 12.6 inci panjang. Naskah tersebut hanya mempunyai 8 muka surat. Oleh kerana permintaan pembacanya, Pengasuh telah dijadikan sebuah majalah". Kenyataan ini menunjukkan bahawa majalah *Pengasuh* menjadi semakin diminati ramai dan dijadikan sumber pembacaan masyarakat. Hal ini adalah kerana kadangkala masyarakat tidak tahu ke mana mereka boleh menanyakan soalan berkaitan agama dan menuntut penjelasan bagi isu yang mereka keliru. Maka dengan ini, majalah *Pengasuh* semakin dapat menyebarkan kefahaman akidah yang benar kepada masyarakat dan menjawab persoalan-persoalan masyarakat tentang akidah dengan lebih mudah.

Seperti yang kita tahu, terjadinya banyak kecelaruan dalam bab akidah yang semakin menjadi-jadi dalam masyarakat ditambah dengan kemunculan pemikiran semasa yang baru. Maka dengan itu, kita akan mendapati dalam penulisan-penulisan majalah *Pengasuh* terdapat beberapa tema yang cuba diketengahkan dalamnya. Antara yang menjadi penekanan adalah tema akidah yang menyentuh bab ketuhanan, kenabian, sam'iyat dan isu-isu yang berkaitan tauhid. Terdapat beberapa corak penulisan di dalam majalah ini. Pertama, penulisan hasil persoalan daripada masyarakat. Kedua, penulisan yang bersifat bersiri. Ketiga, penulisan yang berbentuk perbincangan. Majalah *Pengasuh* juga menggunakan penulisan ulama-ulama besar dalam menghuraikan sesuatu persoalan atau perbincangan. Pengasuh telah menerjemahkan penulisan ulama-ulama ini dan menampilkan pandangan dan dalil-dalil ulama-ulama besar ini dalam sesuatu perkara. Ini secara langsung memberi keyakinan kepada masyarakat untuk menerima dan mendalami agama dengan hati yang tenang.

## Isu-Isu Akidah

### Fahaman tidak bertuhan (Atheis)

Isu yang paling besar dalam masyarakat ialah adanya kefahaman tidak bertuhan. Hal ini disebabkan masyarakat terpengaruh dengan agenda barat yang membuat mereka rasa bebas tanpa perlu merasakan hidup tidak bertuhan. Kemunculan golongan Atheis yang berfahaman tidak bertuhan bukanlah baru dalam pemikiran masyarakat malah sejak zaman dahulu lagi. Majalah *Pengasuh* telah menyedari hakikat dan isu aliran pemikiran ini. Oleh yang demikian, majalah *Pengasuh* tampil membincangkan isu ini.

Majalah *Pengasuh* telah mengeluarkan penulisan yang berjudul 'Dialog Atheis: Benarkah Allah Ada?'. Dialog ini adalah di antara Dr. Mustafa Mahmud dengan rakannya yang merupakan siswazah dari Perancis. Siswazah itu pernah tinggal bersama kelompok Hippies semasa di Perancis. Ini secara langsung menunjukkan bahawa persekitaran sekeliling mampu mempengaruhi pemikiran individu. Di dalam penulisan ini, golongan Atheis itu telah membuat persoalan tentang kewujudan Allah. Orang Atheis ini berpendapat bahawa orang mukmin telah menipu diri sendiri dengan meninggalkan keseronokan di dunia ini kerana telah hidup dengan kepercayaan karut. Soal orang Atheis itu lagi, "Mengapa awak katakan Allah itu tunggal, mengapa tidak dikatakan di sana ada banyak Tuhan-Tuhan di mana tugas-tugas ikhtisas di bahagi-bahagi di antara mereka?". Maka dibalas kepadanya, "Allah bersifat tunggal, kerana seluruh alam ini dibina dari bahan yang sama dengan

*peraturan yang sama*. Di akhir penulisan ini, majalah *Pengasuh* menolak kefahaman tidak bertuhan ini dan menegaskan bahawa: “Allah itu bersifat Maha Besar dan Maha Gagah Perkasa, iaitu sifat-sifat yang tidak dapat menerima konsep perkongsian atau persyirikan” (Dr.Mustafa Mahmud.*Pengasuh*.Bil.488.1987:38).

Bukti majalah *Pengasuh* telah lama menyedari hakikat isu aliran kefahaman tidak bertuhan dan masalah akidah ini adalah majalah *Pengasuh* telah membincangkan sifat wujud Allah s.w.t secara lebih mendalam pada tahun 1952 dan telah mengeluarkan penulisan yang bersiri iaitu “Pelajaran Tauhid kepada Anak-Anak Islam”. Bagi membendung kefahaman tidak bertuhan ini, majalah *Pengasuh* mengambil inisiatif membincangkan isu aliran pemikiran ini dengan lebih jelas dan mendalam. Misalnya, pada Majalah *Pengasuh* tampil dengan sebuah penulisan yang berjudul ‘Bendungkan Faham Tidak Bertuhan’ demi menjaga akidah masyarakat dan menyedarkan masyarakat agar bersama-sama memperjuangkan kebenaran dan menolak kefahaman tidak bertuhan ini dari semakin menular dengan lebih besar dalam masyarakat. Majalah *Pengasuh* menyedarkan masyarakat tentang perjuangan yang sedang diharungi di dalam dunia Islam hari ini sepertimana yang disebut dalam *Pengasuh*:

Masalah-masalah yang sebenarnya yang mempunyai kekuatan besar bagi arus ombak yang menghentamkan batu-batu asas Islam secara langsung ialah masalah iman atau tidak beriman atau masalah percayai atau tidak percaya, masalah samaada Islam akan dapat hidup tegak di dunia ini atau akan disingkir jauh seperti kain buruk. Perjuangan yang sedang diharungi di dalam dunia Islam hari ini ialah perjuangan di antara faham kebendaan dan akidah Islam sebagai agama Allah yang terakhir, perjuangan di antara faham tidak bertuhan dengan pengajaran ketuhanan. (Professor Said Ayah.*Pengasuh*.Bil 496.1989:7)

Sebagaimana yang disebut oleh majalah *Pengasuh* (1920) iaitu percayakan Allah itu merupakan satu daripada umbi iman, maka majalah *Pengasuh* cuba untuk memperlihatkan kepada masyarakat bahawa mengisbatkan kewujudan Allah ini adalah sangat penting dan permulaan dalam kefahaman Islam. Majalah *Pengasuh* menjelaskan bahawa, “Maka Islam pertamanya mengajar bahawa hendaklah kita percayakan Allah yang satu dan yang Maha Tinggi atas segala jin hantu dewa peri kayu batu dan sebagainya yang disembah dan dijadikan berhala oleh berapa kaum yang sesat itu”(Pengasuh 1920. bil.48: 3). Kemudian, majalah *Pengasuh* menjelaskan lagi,

Kefahaman Islam ini mula-mula memperkenalkan Allah kepada manusia sebagai Tuhan mereka. Ia memperkenalkan dengan penerangan yang halus, sempurna dan syumul. Ia memperkenalkan zat Allah s.w.t, memperkenalkan sifat-sifatNya, memperkenalkan ciri uluhiyah yang tunggal, yang sama sekali tidak menyerupai ciri ubudiah. (Sayyid Qutb.*Pengasuh*.1991.513:9)

Majalah *Pengasuh* telah menggunakan dua jenis penghujahan untuk menunjukkan kewujudan Allah s.w.t. Pertama, *Pengasuh* menggunakan dalil aqli dengan membawa masyarakat untuk berfikir tentang penciptaan alam. Antaranya ialah “cuba kamu berfikir atas apa yang kamu lihat di atas muka itu daripada benda-benda yang bernyawa seperti binatang-binatang dan yang tidak bernyawa seperti kayu, batu, tanah, laut, sungai, gunung, bukit dan sebagainya” (Pengasuh.1920.Bil.47:4). Bukti yang kukuh terhadap kewujudan Allah adalah alam ini. Dengan melihat kepada alam, manusia akan memikirkan adanya kewujudan pencipta terhadap kewujudan alam ini. Sebagaimana Allah sw.t menganjurkan manusia berfikir di dalam surah Adzariat, ayat 21:

وَيَوْمَ أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ

Maksudnya:

Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)? (Al-Quran.Surah Adzariat:21)

Selain itu, penulisan majalah *Pengasuh* yang bertajuk 'Pelajaran Tauhid Kepada Anak-anak Islam' telah membincangkan mengenai kewujudan Tuhan. Metode merangsang berfikir untuk mengenal Tuhan telah ditonjolkan persoalan tentang penciptaan alam:

Kemudian cuba sekarang murid-murid pandang ke atas nampak langit yang kebiruan. Kalau waktu malam di sana nampak pula bintang, ada yang terang ada yang malap ada yang berkelip-kelip cahayanya dan ada pula yang diam membeku sahaja. Dan cuba lihat ke bumi yang kita diami ini apa ada di dalamnya?". "Lepas itu sebentar cuba murid-murid fikir siapakah yang membuat semua-semua itu?". "Oleh itu, bagi mengadakan dan menjadikan perkara yang besar-besar dan payah-payah itu tentulah mahu kepada yang gagah, yang pandai-pandai, yang bijak, yang tahu serba-serbinya, yang berkuasa dapat menjadikan benda-benda itu semua, maka tak lain yang tersebut itu ialah Allah Ta'ala (Asybahar Darul Naim. *Pengasuh*.1952. bil.239:12).

Banyak perkara di dalam kehidupan manusia yang membuatkan kita akan berfikir siapakah penciptanya? Hal ini sebagaimana yang disebut oleh Ahmad Mahmud Subhi (1985) "sebagaimana orang yang menemukan istana yang tinggi tidak akan menjangkakan bahawa dia akan menemukan tanah liat yang bertukar menjadi batu bata dan tersusun rapi dengan sendirinya tanpa ada tukang.". Metode merangsang pemikiran yang digunakan ini adalah sebagaimana metode di dalam Al-Quran. Firman Allah s.w.t:

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi. (Al-Quran.Surah Yunus:11)

Pendekatan penghujahan dengan menggunakan dalil aqli terhadap pemerhatian alam oleh majalah *Pengasuh* adalah selari dengan pendekatan ahli Sunnah wal Jamaah sebagaimana yang disebut oleh Ahmad Mahmud Subhi (1985:60), "Dalil Ashari terhadap kewujudan Allah dengan penghakiman pembuatan dan pentadbiran pada alam". Penghujahan dalil aqli ini juga sering digunakan oleh *Mutakallimin* iaitu "sesungguhnya alam itu baru, dan setiap yang baru pastinya ada pencipta" (Al-Qadi Abd al-Rahman al-Iji. t.h:266).

Kedua, majalah *Pengasuh* menggunakan dalil naqli sebagai penghujahan pengisbatan Allah s.w.t. Menyingkap rahsia wujudnya Allah s.w.t, majalah *Pengasuh* menyatakan ayat Al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t, (Pengasuh.Bil 477. 1985:9):

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَحَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ١٦٤

Maksudnya: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupakan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan. (Al-Quran.Surah Al-Baqarah:164)

Dalil di atas menunjukkan bahawa Allah s.w.t menjelaskan alam ini terdapat tanda-tanda kekuasaanNya sebagai Pencipta dan membuktikan bahawa Al-Quran itu benar. Selain itu, bagi menyedarkan masyarakat tentang kewujudan Allah sebagai Tuhan semesta alam, *Pengasuh* membawa masyarakat untuk menganalisa maksud kata-kata *Rabbul 'Alamin* yang terdapat di dalam surah Al-Fatihah iaitu "Kata-kata *Rabbul 'Alamin*, yang bererti Tuhan yang mengasuh dan menyubur segala kejadian dalam alam, telah menyedarkan kita berbagai-bagai kejadian dan perkembangan masing-masing"(Khawajah Kamaluddin.*Pengasuh*.1979:17). Kewujudan alam ini adalah sebagai bukti kewujudan Allah s.w.t yang Maha Pencipta.

*Pengasuh* (1979:17) mengaitkan bahawa Allah s.w.t yang menciptakan segala kejadian alam termasuklah penciptaan dan perkembangan manusia. Metode ini adalah bersamaan dengan metode ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang juga mengaitkan perkembangan manusia dengan kewujudan Allah s.w.t.

Ahmad Mahmud Subhi (1985:60) mengatakan bahawa Imam Ashari membawa hujah tentang penciptaan manusia dalam mengisbatkan kewujudan Allah. Penciptaan manusia sangat jelas menunjukkan adanya pencipta manusia iaitu Allah s.w.t. malah bukti penciptaan manusia ini sangat sinonim dengan kehidupan manusia yang disebut di dalam Al-Quran. Bukan sahaja penciptaan manusia membuktikan kewujudan Allah bahkan penciptaan alam dan binatang juga merupakan antara tanda-tanda kekuasaan Allah sebagai wujudnya Pencipta. Firman Allah s.w.t:

إِنَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِلْمُؤْمِنِينَ وَبِى خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُثُّ مِنْ دَابَّةٍ آيَاتٍ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkanNya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakinkannya. (Al-Quran. Surah Al-Jaathiyah:3-4)

*Pengasuh* menegaskan lagi tentang kewujudan Allah dengan mengatakan bahawa, "Kewujudan zat Allah dengan segala sifat semula jadiNya adalah Maha Ghaib dan ajaib daripada segala perkara yang ajaib dan lebih luar biasa dari segala yang luar biasa. Semua yang wujud di dunia ini adalah berpangkal dari kewujudan Allah"(Mohd Mustafa.*Pengasuh*.1984:9). *Pengasuh* cuba menjelaskan bahawa semua yang wujud di dunia ini adalah dengan ciptaan Allah s.w.t.

Justeru, apa yang dapat diperhatikan daripada penulisan Majalah *Pengasuh* terhadap pengisbatan kewujudan Allah, *Pengasuh* menggunakan kaedah merangsang berfikir mengenai ayat-ayat Al-Quran supaya meyakini kewujudan Allah s.w.t. di alam semesta. Dalam usaha *Pengasuh* untuk membuktikan kewujudan Allah, beberapa tulisan ulama besar telah dimuatkan seperti Imam Al-Ghazali, Syed Qutb dan Hassan Al-Banna mengenai pengisbatan kewujudan Allah s.w.t. Contohnya, *Pengasuh* (1975.Bil 403) telah menyiarkan terjemahan Imam Al-Ghazali yang bertajuk *Taman Tauhid Imam Ghazali: Asas-asas akidah seorang Islam*. Artikel terjemahan daripada Syed Qutb telah dimuatkan pada tahun 1990, bilangan 504 dengan tajuknya Ciri-ciri Rabbaniah dan tahun 1991, bilangan 513 yang bertajuk *Allah menurut kefahaman Islam*. Artikel terjemahan Imam Hassan Al-Banna pula pada tahun 1985, bilangan 477, dengan tajuk *Allah Dalam Kepercayaan Islam*.

### Fahaman Wahabi

Majalah *Pengasuh* telah membincangkan mengenai fahaman Mazhab Asya'irah dan Wahabi dalam memahami isu akidah pada tahun 1924 bilangan ke-159 dalam ruangan 'Bahagian Rencana: Najad dan al-Hijaz, Mazhab al-Asya'ari dan akidah al-Najadi'. Isu yang diketengahkan adalah mengenai kudrat makluk dan kudrat Allah s.w.t. Majalah *Pengasuh* telah mengeluarkan pentakrifan daripada ulama Asya'irah tentang kudrat makhluk iaitu,

Ulama Asya'irah telah mentakrifkan keadaan kudrat makhluk (kejadian) dengan bahawasanya tidaklah ada ia dahulu daripada berlaku sesuatu pekerjaan yang nampak terbit daripadanya itu hanya ada ia berserta dengan pekerjaan itu dijadikan oleh Tuhan dengan tiada ia memberi bekas pada pekerjaan yang nampak terbit daripadanya itu. (Pengasuh 1924 Bil.159:1).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa ulama Asya'irah menetapkan keesaan Allah SWT pada sifat, zat dan juga perbuatanNya daripada disekutui oleh sesuatu yang lain. Namun yang demikian, terdapat fahaman lain selain daripada mazhab Asya'irah mengatakan bahawa,

Kudrat makhluk itu ada ia terlebih dahulu daripada berlaku pekerjaan yang nampak terbit daripadanya itu dan apabila dihadapkannya kekuasaannya pada memperbuat sesuatu pekerjaan seperti taat atau maksiat maka pada masa itu dijadikan oleh Tuhan pekerjaan itu. (Pengasuh.1924 Bil.159:1).

Kedua-dua pendapat ini mengeluarkan pendapat yang bertujuan untuk membersihkan Allah SWT yang Maha Tinggi daripada tercampur kekuasaanNya oleh kuasa yang lain. *Pengasuh* juga menyatakan bahawa pandangan mazhab Wahabi berkenaan perkara tersebut itu tidak bersalahan dengan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah iaitu Asya'ari dan Maturudi. Hal ini dapat dilihat bahawa *Pengasuh* cuba mendamaikan perbezaan yang terdapat antara mazhab Wahabi dengan mazhab Asya'irah.

Kemudian, *Pengasuh* menyeru masyarakat agar mendalami dengan lebih mendalam dan menyelidik dengan lebih terperinci apa yang terkandung di dalam mazhab Wahabi itu sendiri. Seruan ini sekaligus menyeru masyarakat agar tidak harus percaya atau terus beranggapan dengan apa yang diketahui sebelum mencari sumber yang betul dan penyelidikan terperinci. Penyelidikan ini boleh dilakukan melalui pembacaan terhadap pemikiran-pemikiran mazhab Wahabi sendiri. Sebagaimana pernyataan *Pengasuh* iaitu, "barang siapa ada berkehendak mengetahui akan hakikat iktikad dan tujuan ahli Najad yang digelar mereka itu orang Wahabi itu sikitlah atasnya membaca karangan yang bertaburan pada masa ini di dalam negeri Mesir" (Pengasuh 1924 bil.159:2). Maka jelas di sini menunjukkan usaha yang diketengahkan oleh *Pengasuh* merupakan usaha yang murni iaitu untuk membahaskan tentang pegangan akidah kedua-dua mazhab menerusi penyelidikan yang mendalam terhadap kedua-dua mazhab tersebut.

Mengenai kudrat Allah s.w.t ini, Pengasuh ada membincangkan ia dalam terbitan bilangan yang ke 21 ada tahun 1919. Haji Abdullah Bin Haji Senik Kepala Pasir, Tandung, Kelantan telah bertanyakan soalan tentang permasalahan firman Tuhan 'kun' di dalam Al-Quran. Adakah Allah menjadikan sekalian alam ini dengan sekali kehendakNya dan sekali firmanNya 'kun' atau dengan berbilang-bilang-bilang kehendakNya, maka berbilang-bilang firmanNya 'kun'? Pengasuh telah menjelaskan bahawa Allah berhak menjadikan apa sahaja yang Allah kehendaki dan apabila Allah berkata 'kun', maka jadilah. Jawapan Pengasuh telah menunjukkan bahawa ia mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpegang bahawa apa yang berlaku adalah di bawah ketentuan Allah. Majalah Pengasuh telah menjelaskan bahawa:

Allah ta'ala menjadikan sekalian alam ini dengan memberi bekas kudratNya dan iradatNya jua kerana takluk keduanya pada menjadikan dan mentiadakan dia dan tiada Allah ta'ala menjadikan sekalian alam ini dengan kalimah 'kun' tiada ia dengan sekali 'kun' tiada dengan beberapa kali 'kun' kerana kalam itu tiada takluk ia pada mengadakan dan mentiadakan seperti barang yang sorih di dalam kitab usuluddin dan Allah ta'ala menjadikan alam ini dengan sekali kehendakNya jua. Tiada dengan berbilang kehendakNya (Mahfuz. *Pengasuh*. Bil 21.1919:1).

## PENUTUP

Majalah *Pengasuh* sememangnya sebuah majalah yang sarat dengan ilmu yang sangat bermanfaat kepada masyarakat. Bahkan di dalamnya penuh dengan perbincangan dan menjawab persoalan-persoalan yang ditujukan oleh masyarakat. *Pengasuh* menjawab dengan mengemukakan dalil-dalil dan melontarkan pandangan berserta hujah ulama-ulama besar dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Isu-isu akidah yang dilihat sedang menular kepada pemikiran masyarakat tidak dipandang enteng oleh *Pengasuh* malah sangat dititikberatkan. Ini terbukti apabila melihat kepada tema akidah yang terdapat di dalam *Pengasuh* merangkumi ketuhanan, kenabian dan sam'iyat. Tambahan lagi, tema akidah dalam isu ketuhanan sangat banyak bilangannya. Bukan sekadar itu, *Pengasuh* juga mengambil inisiatif mengeluarkan penulisan-penulisan yang bersiri bagi membantu masyarakat memahami akidah yang benar dan membendung pemikiran-pemikiran yang terpesong daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Apabila melibatkan permasalahan tentang dua mazhab, *Pengasuh* cuba mengemukakan kedua-dua pendapat. Kemudian, *Pengasuh* mengambil usaha murni dengan mendamaikan kedua-dua pendapat itu. Selain daripada itu, pendekatan yang diambil oleh *Pengasuh* dalam menjawab permasalahan yang ditimbulkan dan membincangkan ilmu akidah ini menggunakan metode yang selari dengan metode Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh yang demikian, jelas kepada kita menunjukkan bahawa majalah *Pengasuh* telah memberi sumbangan yang besar dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada masyarakat.

## Rujukan

- Ahmad Mahmud Subhi. 1985. *Fi Ilm Kalam*. Darul Nahdoh Al-Arabiah
- Al-Qadi Abd al-Rahman al-Iji. (t.h) *Mawaqif Fi Ilm Kalam*. 'Alimul Kutub, Beirut.
- Al-Quran
- Asybahar Darul Naim. *Pengasuh*.1952. Bil.239. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Asybahar Darul Naim. *Pengasuh*. 1952. Bil.239. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Dr.Mustafa Mahmud. *Pengasuh*. 1987. Bil.488. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Hassan Al-Banna. *Pengasuh*.1985. Bil.477. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Khawajah Kamaluddin. *Pengasuh*.1979. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Mahfuz. *Pengasuh*. 1919. Bil 21. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Mohd Mustafa. *Pengasuh*.1984. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Pengasuh*. 1975.Bil 403. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Pengasuh* 1924 Bil.159. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Pengasuh*. Bil.48 1920. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Pengasuh*. 1920. Bil.47. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Abdul Halim Zin. *Pengasuh*. 1985. Bil 477. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Professor Said Ayah. *Pengasuh*. 1989. Bil 496. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Sayyid Qutb. *Pengasuh*. 1991. Bil.513. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Syed Qutb. *Pengasuh*.1990. Bil.504. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Syed Qutb. *Pengasuh*.1991. Bil.5013. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan
- Yailmiwati Yaacob. 2004. *Cabaran Majalah Pengasuh Sebagai Medium Dakwah*, Sunway College
- Jurnal 1, 51-64.